

22 SEP 2000

Mahathir-PAS

DR MAHATHIR CABAR PAS BUKTIKAN KEBAIKAN MEREKA

BUKIT KAYU HITAM, 22 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mencabar PAS membuktikan kebaikan yang dibuat oleh parti itu untuk agama dan masyarakat Islam.

"PAS tidak ada buat apa-apa kebaikan selain daripada melemparkan fitnah semata-mata," katanya.

PAS hanya menggunakan Islam untuk menghina agama itu sendiri dan Rasulullah SAW, katanya pada majlis bersama rakyat di Ladang Rakyat, Lakar Temin, di sini.

Beliau berkata PAS gagal membawa pembangunan kepada rakyat walaupun membentuk kerajaan dan memerintah Kelantan.

"Kemudahan asas seperti air pun kerajaan PAS gagal sediakan di Kelantan," katanya.

Sebaliknya, PAS hanya pandai menghasut rakyat supaya membenci kerajaan dan pemimpin, kata Perdana Menteri.

Mereka mengajar rakyat agar tidak bersyukur dengan pembangunan yang dibawa oleh kerajaan Barisan Nasional, katanya.

"Jangan ajar anak kita jadi tidak baik. Kalau tak bersyukur negara akan menjadi huru hara.

Dalam masyarakat yang tidak berterima kasih, tidak akan ada tolong menolong," katanya.

Keadaan itu, kata Dr Mahathir, berbeza dengan kerajaan BN yang berusaha untuk menjamin masa depan rakyat supaya lebih sempurna.

BN sebagai contoh membawa pembangunan di kawasan itu dengan yang terbaru membawa kilang membina komponen sayap pesawat Boeing, kata Perdana Menteri.

Katanya kecekapan PAS hanya mengajar pengikutnya membuat bendera parti, panjat pokok, pasang bendera.

Beliau juga mendedahkan PAS sanggup mengadakan sembahyang hajat sebanyak 100 kali meminta beliau meninggal dunia.

"Patutkah kita sembahyang hajat meminta orang lain mati?" tanya beliau..

Selepas majlis itu, Dr Mahathir melawat kilang Asian Component Manufacturing, kilang yang membuat sayap Boeing di Lakar Temin selama kira-kira setengah jam.

-- BERNAMA

JM ARA RON